

KPT belanja hampir RM43 juta jayakan agenda keusahawanan IPT sejak 2016

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - Oktober 12, 2023 @ 7:07pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin

SHAH ALAM: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membelanjakan hampir RM43 juta sejak 2016 bagi menjayakan agenda keusahawanan di institut pengajian tinggi (IPT).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025, kementeriannya merekodkan lebih 40,000 pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan selepas menamatkan pengajian.

Katanya, pelan itu bukan sahaja disusun untuk menggalakkan IPT melatih dan melahirkan lebih ramai bakat usahawan di IPT tetapi ia selari dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN2030) yang menyasarkan untuk mempersiapkan negara bagi menjadi sebuah negara keusahawanan menjelang 2030.

"Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) secara khususnya, terdapat kira-kira 22,000 usahawan siswa yang sudah mendapat pendedahan dan menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian mereka.

"Kita percaya bahawa, pemupukan minat dan minda usahawan di peringkat IPT akan membantu kementerian untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dan berhadapan dengan isu pengangguran.

"Bagaimanapun, kita percaya agenda memupuk minat dan melatih bakat usahawan tidak seharusnya menjadi tugas KPT dan IPT sahaja. Setiap pemegang taruh di kementerian, agensi, pihak industri dan persendirian perlu turut serta.

"Atas dasar itu, sebagai usaha melengkapkan ekosistem keusahawanan di peringkat KPT, hari ini kementerian turut menyempurnakan pemeteraian Memorandum Kerjasama di antara KPT dan Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam)," katanya ketika merasmikan penutupan First International Millennialpreneur Innovation and Commercialization Exhibition 2023 (IMInE2023) di UiTM, hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad Supiyan. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Datuk Mohd Muazzam Mohamed dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UiTM, Profesor Datin Dr Suzana Sulaiman.

Mohamed Khaled berkata, menerusi pemeteraian MOU berkenaan, pihak Bank Islam diharapkan akan dapat membantu sektor pendidikan tinggi negara untuk bersama-sama meneroka pelbagai lagi kerjasama yang boleh membantu usaha pemupukan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dan graduan IPT.

"Saya percaya pengalaman dan hubungan baik dengan industri yang dipunyai oleh Bank Islam akan memberi manfaat yang besar kepada pelajar di IPT," katanya.